

**TEKS PERBAHASAN**  
**PERSIDANGAN SIDANG MUDA PULAU PINANG 2022/23**

**N25 PULAU TIKUS**

**MENCADANGKAN PENUBUHAN KEDAI 'VEGETARIAN' TULEN DI SEMUA KAMPUS UNIVERSITI SAINS MALAYSIA**

Beberapa masalah telah dihadapi oleh golongan 'vegetarian' kerana tiada kedai 'vegetarian' tulen di USM seperti di Kampus Kesihatan USM. Sesetengah pelajar memilih untuk tidak makan di USM atau rela berlapar. Ini kerana memakan sayur-sayuran di kedai yang bukan 'vegetarian' adalah bagaikan seperti memakan daging ayam di kedai bukan halal. Antara masalah yang dihadapi adalah seperti bahan yang digunakan seperti sos tiram dan telur juga dicampurkan dalam makanan. Terdapat juga pelajar atau kakitangan yang menggunakan peralatan memasak atau sudu yang sama.

Golongan 'vegetarian' bukan hanya orang yang makan sayur-sayuran. Makanan mereka tidak boleh mempunyai apa-apa yang disentuh oleh makanan bukan 'vegetarian'. Terdapat juga pelajar yang walaupun bukan vegetarian, tetapi mereka alah atau alergi kepada daging atau ikan tertentu.

**Sanglisha a/p Kunasekaran**  
**N25 Pulau Tikus**  
**Sidang Muda 2022/23**

**SIDANG MUDA**  
**PULAU PINANG**